

14/09/1999

Tindakan tegas untuk pencetus huru-hara

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap pihak yang cuba menimbulkan huru-hara di negara ini dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting.

Mengulas kejadian seorang pegawai polis dipukul penyokong reformasi yang mengadakan perarakan di ibu kota kelmarin, beliau berkata perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana pegawai terbabit hanya menjalankan tugas.

Katanya, kejadian itu menyedihkan kerajaan, dan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat yang mahu tindakan tegas diambil terhadap mereka yang melakukan serangan itu.

"Mereka bukan saja mengadakan demonstrasi, tetapi cuba menimbulkan keadaan tegang dan menakutkan pelabur serta hendak menjadikan keadaan di negara ini seolah-olah tidak stabil, sedangkan majoriti rakyat mengutuk tindakan itu.

"Rakyat yang mahukan keamanan dan kestabilan negara tetap tidak bersetuju dengan mereka, apa lagi mereka melanggar undang-undang dengan memukul anggota polis yang sedang menjalankan tugas.

"Polis akan menyiasat secara adil mengikut undang-undang. Tetapi secara moral, polis menerima banyak sokongan rakyat yang mahukan tindakan tegas diambil terhadap pihak yang cuba menimbulkan huru-hara di negara kita," katanya di majlis penganugerahan perkhidmatan cemerlang kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Jabatan Pertahanan Awam (JPA) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di sini, hari ini.

Dalam kejadian jam 3.30 petang kelmarin, Cif Inspektor Zaidy Haron dari Balai Polis Dang Wangi, cedera ketika menyuraikan perarakan sekumpulan penyokong reformasi di ibu kota yang diketuai Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohammed Ezam Mohd Nor; naib presidennya, Chua Tian Chang dan Ketua Keadilan Bahagian Gombak, Mohammed Azmin Ali.

Ditanya rancangan Keadilan mengadakan demonstrasi di jalan raya seluruh negara bagi menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membubarkan Parlimen dan mengumumkan tarikh pilihan raya dalam tempoh terdekat ini, Ong berkata negara tidak menggalak dan membenarkan apa juga tujuan demonstrasi yang melanggar undang-undang.

"Kita menganggap demonstrasi yang diadakan menjejaskan dan menggugat ketenteraman awam serta keamanan negara," katanya.

Semalam, Exco Pergerakan Pemuda Keadilan, Idrus Wan Chik, dilaporkan berkata demonstrasi itu dirancang bagi menyampaikan mesej rakyat terutama penyokong pembangkang yang sudah kehabisan cara untuk melawan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Mengulas laporan akhbar Sunday Times Singapura mengenai remaja republik berkenaan yang dikatakan mendapat bekalan dadah di Malaysia pada majlis tari menari sepanjang malam berikutan sukar mendapatkan dadah di negara berkenaan, Ong berkata, tidak benar untuk menyatakan Malaysia menjadi pusat bekalan dadah kepada remaja terbabit kerana negara itu juga menjadi mangsa kegiatan penyeludupan dadah.

"Saya ingat tidak wajar mana-mana pihak menyalahkan antara satu sama lain dalam hal ini kerana kedua-dua negara terletak di rantau yang sama.

"Bagaimanapun, pihak berkuasa kedua-dua negara saling bekerjasama untuk mencegah kegiatan penyeludupan dadah," katanya.

Laporan itu memetik Timbalan Pengarah Biro Narkotik Pusat (CNB), Muhamed Azni Sarbini, berkata pihaknya mengetahui ada rakyat Singapura pergi ke

Kuala Lumpur (untuk mendapatkan bekalan dadah), malah ada sesetengahnya pergi sehingga Ipoh.

Menurut laporan itu, lebih 250 orang ditahan sejak Julai tahun lalu mengikut undang-undang baru yang membenarkan rakyat dan pemastautin tetap Singapura didakwa jika mereka didapati menggunakan dadah ketika berada di luar negara.

(END)